

e-Buletin KOPERASI

SINOPSIS

BIL. 3/2026

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



**YB MENTERI KUSKOP
MEMILIH SKM
SEBAGAI AGENSI PERTAMA
LAWATAN RASMI**



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/SuruhanjayaKoperasi)

LAWATAN RASMI YB MENTERI KUSKOP KE SKM

6 Januari 2026 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM mencatat sejarah tersendiri apabila dipilih sebagai agensi pertama di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menerima lawatan rasmi YB Tuan Steven Sim Chee Keong sejak beliau memegang jawatan sebagai Menteri.

Lawatan rasmi tersebut dimulakan dengan sesi taklimat yang dipengerusikan oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi SKM, serta pembentangan oleh YBhg. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif SKM. Sesi ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP.



Taklimat berkenaan memfokuskan kepada perkembangan semasa gerakan koperasi negara, pencapaian utama SKM, hala tuju strategik serta cabaran tadbir urus koperasi dalam memastikan kelestarian dan daya saing sektor koperasi. Pemilihan SKM sebagai destinasi pertama lawatan rasmi YB Menteri jelas mencerminkan kepercayaan serta keutamaan Kerajaan terhadap peranan strategik SKM sebagai peneraju dan pengawal selia gerakan koperasi negara.

Kehadiran YB Menteri bersama pengurusan tertinggi Kementerian dan SKM turut menegaskan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh sinergi strategik antara KUSKOP dan SKM bagi memacu pembangunan gerakan koperasi yang mampan dan inklusif di Malaysia.

